



**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**


19 MAC 2022

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 421 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 363,570 kes. Sebanyak dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di Tawau dan satu (1) lagi di Kota Kinabalu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,100 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 336,888 orang. Manakala 623 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 495 orang di hospital, 127 orang di Pusat Kuaranin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam serta satu (1) orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 42 orang merangkumi 38 di ICU/repurposed kritikal care serta empat (4) di *open ward* (*HDW/kubikel akut*) dan 23 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3

Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada perubahan zon dicatatkan.

4

Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Jingga satu (1) daerah
- Zon Merah 26 daerah

5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sabah meneruskan trend penurunan apabila mencatatkan angka jangkitan baharu di bawah paras 500 kes buat pertama kalinya sejak 3 Februari 2022. Jumlah kes baharu hari ini ialah 421 kes, penyusutan sebanyak 175 kes berbanding semalam.
- b. Jumlah kes baharu yang lebih rendah hari ini banyak dipengaruhi oleh penyusutan pada skala besar di beberapa daerah seperti Kota Kinabalu (-44 kes), Penampang (-35 kes), Beaufort (-26 kes), Papar (-22 kes) dan Tawau (-17 kes). Sebanyak 15 daerah merekodkan penurunan kes harian dan hanya sembilan (9) daerah merekodkan peningkatan kes baharu. Namun peningkatan kes di sembilan (9) daerah adalah pada skala yang kecil. Kes baharu di tiga (3) lagi daerah kekal sebagaimana catatan semalam.
- c. Terdapat tanda-tanda penstabilan di hampir keseluruhan daerah di Sabah dengan 13 daerah mencatatkan kes satu (1) angka sahaja. Daripada 11 daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka cuma Tuaran (55 kes), Papar (37 kes), Penampang (35 kes), Putatan (27 kes) dan Beaufort (25 kes) yang mencatatkan kes agak tinggi. Kota Kinabalu adalah satu-satunya daerah yang masih mencatat kes baharu tiga (3) angka (104 kes) tetapi berkurangan 44 kes berbanding jumlah semalam. Lahad Datu dan Nabawan tidak mencatatkan sebarang kes baharu hari ini.
- d. Satu (1) lagi kluster diisytiharkan tamat hari ini iaitu Kluster Access Menawo di Keningau. Jumlah kluster yang masih aktif ialah 18 kluster.
- e. Sebanyak 412 atau 97.86% daripada 421 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, dua (2) kes dalam Kategori 3, empat (4) kes dalam Kategori 4 dan tiga (3) kes dalam Kategori 5.

ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	0	0.0%
2	Kontak	103	24.47%
3	Bergejala	263	62.47%
4	Bersasar	0	0%
5	Lain-lain Saringan	55	13.06%
JUMLAH		421	100%

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (18 Mac 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 18/03/2022	Catatan Kes 19/03/2022	Perbandingan
1	Tuaran	47	55	+8
2	Kota Marudu	9	15	+6
3	Beluran	5	8	+3
4	Sipitang	7	10	+3
5	Putatan	24	27	+3
6	Tambunan	10	12	+2
7	Kunak	0	2	+2
8	Semporna	0	1	+1
3	Pitas	7	8	+1
10	Sandakan	17	17	Mendatar
11	Kudat	5	5	Mendatar
12	Telupid	3	3	Mendatar
13	Kota Kinabalu	148	104	-44
14	Penampang	70	35	-35
15	Beaufort	51	25	-26
16	Papar	59	37	-22
17	Tawau	29	12	-17
18	Tenom	18	5	-13
19	Tongod	11	3	-8
20	Kinabatangan	11	3	-8
21	Ranau	13	5	-8
22	Lahad Datu	7	0	-7
23	Kuala Penyu	10	5	-5
24	Kota Belud	12	8	-4
25	Kalabakan	5	2	-3
26	Keningau	16	14	-2
27	Nabawan	2	0	-2
JUMLAH		596	421	-175

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	0	21	70	0	13	104	3,434
Tuaran	0	27	20	0	8	55	1,075
Papar	0	12	22	0	3	37	1,103
Penampang	0	7	24	0	4	35	1,197
Putatan	0	5	22	0	0	27	371
Beaufort	0	1	20	0	4	25	595
Sandakan	0	3	14	0	0	17	462
Kota Marudu	0	6	8	0	1	15	354
Keningau	0	4	7	0	3	14	531
Tawau	0	1	7	0	4	12	485
Tambunan	0	1	9	0	2	12	317
Sipitang	0	1	9	0	0	10	349
Kota Belud	0	2	5	0	1	8	367
Pitas	0	3	4	0	1	8	156
Beluran	0	1	4	0	3	8	145
Ranau	0	2	1	0	2	5	243
Tenom	0	2	3	0	0	5	349
Kuala Penyu	0	2	2	0	1	5	313
Kudat	0	0	5	0	0	5	209
Telupid	0	1	1	0	1	3	115
Tongod	0	0	3	0	0	3	66
Kinabatangan	0	0	1	0	2	3	124
Kunak	0	1	1	0	0	2	41
Kalabakan	0	0	1	0	1	2	49
Semporna	0	0	0	0	1	1	21
Lahad Datu	0	0	0	0	0	0	229
Nabawan	0	0	0	0	0	0	91
JUMLAH	0	103	263	0	55	421	12,791

- 6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.
- 7 Jumlah kapasiti katil 3,543 unit.
- Hospital 1,554 unit.
 - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 1,749 unit.
 - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 212 unit.
 - Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 17.58%.

B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 19 MAC 2022

i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	419
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	1
Jumlah	421

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Kelantan	1
Jumlah	1

ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	408
Bukan Malaysia	13
Jumlah	421

iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	28
Belum Menerima Vaksin (5-11)	13
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	38
Menerima 1 Dos	13
Lengkap 2 Dos	160
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	169
Jumlah	421

iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	9
1-4	19
5 -11	24
12-17	25
18-29	85
30-39	106
40-49	66
50-59	45
60-69	22
70-79	13
80-89	6
>90	1
Jumlah	421

C STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 6,126 orang. Daripada jumlah ini, seramai 4,726 orang adalah penduduk dewasa, 101 orang adalah penduduk remaja dan 1,299 orang adalah penduduk kanak-kanak.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 18 Mac 2022 adalah seramai 2,550,178 orang. Ini meliputi 2,131,171 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 78.45% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,405,099 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,088,889 orang atau 76.89% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 332,210 orang atau 77.95% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 316,210 atau 74.19% orang setakat ini.
- 4 Bagi penduduk kanak-kanak pula, seramai 86,797 atau 21.10% orang telah menerima 1 dos vaksin.

D BANTUAN BAKUL MAKANAN (FOOD BASKET)

Setakat hari ini, sejumlah **684,618** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

E LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS

- 1 Penguatkuasaan SOP dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 203 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 66 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan dua (2) tangkapan dibuat di bawah Enakmen Pelabuhan Dan Dermaga Sabah 2002.
- 2 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
 - i Sebanyak 1,088 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada kompaun atau notis dikeluarkan pada hari ini.
 - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 547 premis perniagaan dan 942 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun melanggar SOP Covid-19 dikeluarkan oleh DBKK.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 73 Premis Perniagaan melibatkan 34 anggota APM.
- 4 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 130 anggota.
- 5 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis, melibatkan satu (1) buah BBP pada hari ini.

- 6 Sejumlah 106 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di lima (5) daerah pada hari ini.
- 7 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 171 hebahan di seluruh Sabah.

F KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.3%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Semporna	98.6%
2	Beluran	98.6%
3	Kunak	98.5%
4	Keningau	98.5%
5	Kinabatangan	98.5%
6	Ranau	98.4%
7	Tenom	98.4%
8	Kota Marudu	98.4%
9	Kudat	98.4%
10	Sipitang	98.3%
11	Kota Kinabalu	98.2%
12	Beaufort	98.2%
13	Lahad Datu	98.1%
14	Kota Belud	98.1%
15	Sandakan	98.1%
16	Tuaran	98.1%
17	Tawau	98%
18	Penampang	98%
19	Papar	98%

- 2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Sekian.

#SabahMajuJaya

#KeluargaMalaysia

#LindungDiriLindungSemua

YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN

DAN

MENTERI KEWANGAN II